

KENYATAAN AKHBAR

untuk siaran segera

BANK MUAMALAT MEMPERKUKUH SOKONGAN PELANGGAN MELALUI PROGRAM BANTUAN KETAHANAN KEWANGAN SEMENTARA

Kuala Lumpur, 8 April 2026 – Bank Muamalat Malaysia Berhad (“Bank Muamalat”) hari ini memperkukuh inisiatif sokongan pelanggannya melalui **Program Bantuan Ketahanan Kewangan Sementara**, satu usaha bantuan kewangan yang disasarkan untuk **membantu pelanggan yang menghadapi tekanan kewangan sementara susulan ketidaktentuan global**, termasuk perkembangan terkini di Asia Barat.

Inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan Bank Muamalat untuk terus bersama pelanggan dalam menghadapi cabaran semasa melalui penyelesaian kewangan yang fleksibel, bertanggungjawab dan disesuaikan mengikut keperluan, selari dengan usaha kolektif industri perbankan dalam memastikan daya tahan kewangan rakyat terus terpelihara.

Program ini dibangunkan berasaskan kerangka sokongan kewangan sedia ada Bank Muamalat, yang diperkukuh bagi membantu pelanggan menghadapi tekanan kewangan sementara dalam persekitaran semasa, khususnya bagi mereka yang mengalami gangguan pendapatan jangka pendek tetapi masih mempunyai keupayaan kewangan dalam jangka masa panjang.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Bank Muamalat, Datuk Khairul Kamarudin, berkata inisiatif ini mencerminkan pendekatan proaktif Bank dalam memastikan kesejahteraan pelanggan terus terpelihara tanpa mengabaikan disiplin kewangan yang berhemat.

“Dalam menghadapi ketidaktentuan global termasuk perkembangan di Asia Barat, Bank Muamalat kekal komited untuk menyokong pelanggan melalui penyelesaian kewangan yang bertanggungjawab dan berteraskan keprihatinan. Inisiatif ini bukan sekadar memberikan kelegaan sementara, tetapi bertujuan membantu pelanggan kembali mencapai kestabilan kewangan secara mampan. Sebagai institusi kewangan Islam, kami berpegang kepada prinsip amanah dan ihsan dalam memastikan kebajikan pelanggan sentiasa menjadi keutamaan,” katanya.

Di bawah program ini, pelanggan yang layak boleh memanfaatkan beberapa bentuk bantuan termasuk **penjadualan semula bayaran melalui pelarasan jadual pembayaran serta kemungkinan pelanjutan tempoh pembiayaan, penstruktur semula pembiayaan yang melibatkan semakan terma dan syarat utama agar selari dengan keupayaan kewangan semasa pelanggan, serta sokongan nasihat kewangan secara peribadi** dengan menggalakkan penglibatan awal bagi mengenal pasti penyelesaian yang sesuai dan mampan.

Program ini terbuka kepada **pelanggan individu yang mengalami kesukaran kewangan sementara seperti pengurangan pendapatan atau kehilangan sumber pendapatan, tertakluk kepada penilaian dan kriteria kelayakan yang ditetapkan.**

Inisiatif ini juga selaras dengan usaha berterusan industri perbankan dalam membantu pelanggan mengurus tekanan kewangan jangka pendek tanpa menjejaskan kestabilan kewangan jangka panjang, di samping menyokong agenda nasional dalam memperkukuh daya tahan kewangan rakyat Malaysia dalam suasana ekonomi global yang mencabar.

Pelanggan yang menjangkakan kesukaran dalam memenuhi komitmen kewangan mereka adalah digalakkan untuk menghubungi Bank Muamalat lebih awal bagi membincangkan pilihan bantuan yang tersedia. Permohonan boleh dibuat melalui emel atau di mana-mana cawangan Bank Muamalat di seluruh negara.

Untuk maklumat lanjut, layari www.muamalat.com.my/RNR atau kunjungi mana-mana cawangan Bank Muamalat berhampiran.

Tamat

Sebarang pertanyaan media berkaitan **Bank Muamalat**, sila hubungi:

Mohd Nazrul Hafizi | mohd.nazrul.hafizi@muamalat.com.my | +6017 921 1384

Hawa Ali | siti.norhawa@muamalat.com.my | +6019 239 2077

Mengenai Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat)

Bank Muamalat adalah perbankan Islam terkemuka yang komited untuk menyediakan "Kehidupan Lebih Baik, Bersama" dengan penyelesaian kewangan yang inovatif sejajar dengan prinsip Syariah. Dengan dedikasi untuk mencipta perubahan positif dalam industri kewangan dan fokus yang kukuh kepada kepuasan pelanggan, Bank Muamalat menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan yang disesuaikan untuk individu, perniagaan dan institusi.